



Jangan ambil jalan mudah!

Oleh **AFIQ MOHD. SHAH**
 pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 20 Mac - Kerajaan didesak tidak sewenang-wenangnya menjual Malaysia Airlines Berhad (Malaysia Airlines), sebaliknya terus berusaha mempertahankan syarikat penerbangan kebanggaan negara itu.

Walaupun dibebani kerugian, namun Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Muamalat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr. Nuradli Ridzwan Shah Mohd. Dali beranggapan nilai Malaysia Airlines sebagai syarikat penerbangan nasional amat tinggi, cuma perlu diperkukuhkan dengan strategi pengurusan lebih mantap.

Jelas beliau, Malaysia Airlines perlu memberi tumpuan kepada strategi terbaik bagi meningkatkan pendapatan, bukannya dengan cara perakaunan kreatif seperti menjual aset yang dilihat bersifat sementara sahaja.

"Pada pendapat saya, Malaysia Airlines mempunyai dua cara untuk memacu pendapatan. Satunya dengan menaikkan harga tiket tetapi agak mustahil disebabkan persaingan yang semakin tinggi. Jadi, apa yang boleh dilakukan adalah cuba meningkatkan jualan tiket.

"Namun perkara ini perlu disusuli dengan pasukan pengurusan terbaik yang mampu melonjakkan kembali moral pekerja mereka sekali gus tidak mustahil dapat memulihkan semula Malaysia Airlines menjadi antara syarikat penerbangan terbaik dunia," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Pengurus Pembangunan Per-



NURADLI RIDZWAN



AHMED RAZMAN

Malaysia Airlines perlu memberi tumpuan kepada strategi terbaik bagi meningkatkan pendapatan, bukannya dengan cara perakaunan kreatif seperti menjual aset yang dilihat bersifat sementara sahaja.

**NURADLI RIDZWAN
 SHAH MOHD. DALI**

niagaan Putra Business School (PBS), Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff pula berpendapat Malaysia Airlines mungkin boleh mengikut jejak Proton Holdings Berhad (Proton) yang melaksanakan model kerjasama ekuiti dengan pelabur tempatan atau asing.

Menurut Ahmed Razman, kerjasama tersebut mampu membuka peluang buat Malaysia Airlines berdaya saing dan meneroka pasaran baharu sekali gus mewujudkan kelestarian perniagaan.

"Selepas melaksanakan ker-

jasama, kita dapat lihat Proton sudah mula menunjukkan peningkatan prestasi dari segi jumlah jualan dan kewangan. Tidak mustahil model yang sama boleh diguna pakai Malaysia Airlines.

"Untuk memulihkan syarikat kadangkala memerlukan bantuan daripada pemegang saham, bukan sahaja dari segi bantuan kewangan tetapi juga bantuan jaringan industri, pasukan profesional, peluang masuk ke pasaran baharu dan pertukaran serta kemas kini teknologi terkini.

"Semua itu boleh dilakukan jika Malaysia Airlines memperoleh rakan kongsi yang mempunyai kemampuan untuk melakukan sedemikian rupa. Namun syaratnya, rakan kongsi tersebut mungkin mahu melantik Ketua Pegawai Eksekutif daripada syarikat mereka yang lebih selesa untuk bekerjasama," ujar beliau.

Dalam pada itu, Pensyarah Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Madya Dr. Irwan Shah Zainal Abidin pula melihat proses penjualan syarikat penerbangan itu sepatutnya menjadi jalan terakhir sekiranya segala usaha memulihkan tidak kesampaian.

Katanya, Malaysia Airlines mungkin memerlukan satu lagi pelan rasionalisasi terbaharu yang lebih menyeluruh bagi mengenal pasti semua pengurusan kos syarikat berkenaan.

INFO

MAS

- Ditubuhkan 1 Oktober 1972 sebagai Malaysia Airlines System (MAS).
- Dijenamakan semula sebagai Malaysia Airlines Berhad (MAB) pada 1 September 2015.
- Mempunyai kira-kira 80 kapal terbang.
- Mengalami kerugian kali pertama RM260 juta semasa krisis kewangan Asia 1997/1998.
- Berdepan kerugian RM1.3 bilion pada 2005 dan melantik Datuk Seri Idris Jala sebagai CEO baharu.
- Melancarkan Pelan Pemulihan Perniagaan MAS pertama pada 2006 sekali gus raih keuntungan RM853 juta pada 2007.
- Merekodkan kerugian terbesar RM2.52 bilion pada 2011.
- Melaksanakan Pelan Penstrukturan Semula Lima Tahun pada Ogos 2014 sekali gus menyaksikan pengurangan pekerja sebanyak 6,000 orang.